



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JTW 302 – PRINSIP KEWANGAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA BELAS (15)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Bahagian A jawab **SEMUA** soalan di atas borang OMR. **Bahagian B** jawab di atas **buku jawapan** yang disediakan. **Bahagian B** jawab **SEMUA** soalan.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Mesin kira boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

BAHAGIAN A [45 markah]

1. Kesilapan anggaran tunai belanjawan modal akan menghasilkan keputusan _____.
 - A. tidak tepat yang menyebabkan kekayaan pemilik menurun
 - B. tidak tepat yang menyebabkan kekayaan pemilik meningkat
 - C. tepat yang menyebabkan kekayaan pemilik menurun
 - D. tepat yang menyebabkan kekayaan pemilik meningkat
 - E. tiada jawapan yang betul

2. Tiga jenis aliran tunai yang terlibat dalam menganggarkan aliran tunai belanjawan modal _____.
 - A. kos membeli, kos memasang dan mengangkut aset baru
 - B. hasil jualan selepas cukai daripada aset lama
 - C. penambahan kepada modal kerja bersih firma
 - D. A, B dan C
 - E. Tiada jawapan yang betul

3. Item yang perlu diambilkira dalam menganggarkan setiap aliran tunai _____.
 - A. perubahan hasil jualan, perubahan kos operasi dan perubahan cukai
 - B. perubahan hasil belian dan perubahan kos operasi debit
 - C. perubahan cukai
 - D. perubahan hasil jualan
 - E. Semua jawapan di atas

4. Operasi aliran tunai untuk projek belanjawan modal merujuk kepada _____.
 - A. jumlah aliran keluar tunai yang dijangkakan akan berlaku pada peringkat awal pelaburan
 - B. mengambilkira aliran tunai selepas cukai
 - C. aliran masuk tunai tambahan yang dijangka berlaku pada awal tahun pelaburan
 - D. keuntungan pelupusan adalah lebih daripada jualan aset baru
 - E. Semua jawapan di atas

5. Berikut merupakan ciri-ciri aliran tunai belanjawan modal _____.
 - A. aliran tunai tambahan
 - B. mengambil kira kesan cukai
 - C. tidak mengambil kira kesan kewangan
 - D. A, B dan C
 - E. Tiada jawapan yang betul

6. Apakah yang dimaksudkan dengan kos peluang?
- A. Kos membeli dan memasang.
 - B. Hasil jualan selepas cukai.
 - C. Cukai yang boleh dikenakan ke atas komponen keuntungan.
 - D. Aliran tunai yang boleh diperolehi jika projek masih tidak dilaksanakan dan dalam pertimbangan.
 - E. Tiada jawapan yang betul.
7. Ciri _____ ini ditekankan kerana kita sentiasa tidak mengambil kira kesan cukai walaupun ia mempengaruhi jumlah aliran masuk dan keluar tunai projek.
- A. aliran tunai belanjawan
 - B. perbelanjaan awal
 - C. operasi aliran tunai
 - D. A, B dan C
 - E. Tiada jawapan yang betul
8. Apakah yang dimaksudkan dengan tempoh bayaran balik?
- A. Tempoh masa yang diambil oleh sesuatu projek untuk mendapatkan jumlah balik pelaburan asal.
 - B. Penerimaan sesuatu projek.
 - C. Tempoh bayar balik dibandingkan dengan hayat ekonomi.
 - D. Mengambil kira nilai masa wang.
 - E. Mengambil kira aliran tunai sebenar.
9. Berikut merupakan kebaikan tempoh bayaran balik **KECUALI** _____.
- A. mudah untuk dikira dan difahami
 - B. menggunakan aliran tunai
 - C. petanda kecairan terhadap projek
 - D. teknik membuat keputusan
 - E. mengambilkira risiko projek
10. Keburukan utama teknik tempoh bayar balik adalah _____.
- A. ia mengabaikan aliran tunai selepas tempoh bayar balik
 - B. ia tidak mengambil kira nilai masa wang
 - C. ia tidak boleh digunakan sebagai penunjuk masa
 - D. B dan C
 - E. Semua diatas

11. Kebanyakan syarikat menggunakan tempoh bayaran balik sebagai garis panduan dalam membuat keputusan bagi membuat pelaburan modal atas sebab yang berikut **KECUALI** _____.
- A. ia memberi pertimbangan secara tersirat terhadap jangka masa aliran tunai
 - B. mengukur pendedahan terhadap risiko
 - C. pengiraan mudah
 - D. mengenalpasti aliran tunai yang boleh diperoleh selepas tempoh bayar balik
 - E. A dan C
12. Apabila nilai kini bersih negatif, kadar pulangan dalaman adalah _____ kos modal.
- A. lebih besar daripada
 - B. kurang daripada
 - C. sama dengan
 - D. lebih besar daripada atau sama dengan
 - E. tidak boleh dikenal pasti tanpa aliran tunai
13. Kadar Pulangan Dalaman adalah _____.
- A. kadar diskaun yang menghasilkan NPV positif
 - B. kadar diskaun yang menghasilkan nilai NPV negatif
 - C. kadar diskaun yang sama dengan nilai kini aliran masuk tunai serta nilai kini aliran keluar tunai
 - D. kadar diskaun yang menghasilkan tempoh bayar balik positif
 - E. A dan D
14. Syarikat Komag sedang mempertimbangkan projek baru. Projek ini melibatkan pelaburan sebanyak RM1,200,000.00 dan akan menghasilkan banyak RM600,000.00 aliran tunai setiap tahun selama 3 tahun. IRR bagi projek ini ialah _____.
- A. 18.6%
 - B. 23.4%
 - C. 14.5%
 - D. 20.2%
 - E. 15%
15. Kadar Pulangan Dalaman Berganda (IRR Berganda) berlaku kerana _____.
- A. perbezaan dalam kadar saiz projek
 - B. perbezaan dalam kadar andaian kadar pelaburan semula
 - C. perbezaan dalam corak aliran tunai tahunan projek
 - D. perbezaan dalam saiz pelaburan projek
 - E. nilai kini bersih

16. Projek mempunyai aliran tunai keluar awal sebanyak RM10,000.00 dan menghasilkan aliran masuk tunai sebanyak RM2,146.00 untuk setiap tahun selama 10 tahun berikutnya. Jika kos modal adalah sama iaitu 12% ini ialah contoh kiraan _____.
- A. Nilai Kini Bersih
 - B. Kadar Pulangan Dalaman
 - C. Tempoh Bayar Balik
 - D. Indeks Keberuntungan
 - E. B Dan C
17. Projek mempunyai aliran tunai keluar awal sebanyak RM10,000.00 yang menghasilkan aliran tunai tunggal sebanyak RM16,650.00 dalam tahun pertama. Jika kos modal adalah 12% kira;
- A. Indeks Keberuntungan
 - B. Nilai Kini Bersih
 - C. Kadar Pulangan Dalaman
 - D. Tempoh Bayar Balik
 - E. A dan D
18. Manakah antara elemen asas berikut yang akan mempengaruhi nilai masa depan?
- i. Kadar faedah
 - ii. Prinsipal
 - iii. Perubahan aliran tunai
 - iv. Tempoh masa
- A. i dan ii
 - B. i, ii dan iii
 - C. i, ii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
 - E. Semua di atas
19. Apakah maksud perpeputi?
- A. Siri bayaran atau menerima jumlah yang sama pada jangka masa yang sama sepanjang tempoh penilaian.
 - B. Siri aliran tunai yang melibatkan jumlah yang sama untuk setiap tempoh berterusan.
 - C. Tempoh inflasi yang disebabkan oleh pembangunan yang tidak terkawal dalam ekonomi.
 - D. Merupakan aliran tunai yang hanya berlaku sekali sahaja sepanjang tempoh penilaian.
 - E. Maklumat tentang aliran tunai bagi pemegang saham.

20. Pernyataan manakah menerangkan tentang nilai kini bagi aliran tunai tidak seragam?
- A. Jumlah bayaran tertentu anuiti bagi jumlah tertentu yang akan meningkat pada tempoh tertentu berdasarkan kadar faedah tertentu.
 - B. Melibatkan penentuan nilai masa depan bagi setiap aliran tunai dan kemudian dijumlahkan dengan semua nilai masa depan.
 - C. Pembayaran anuiti menjanjikan kadar pulangan dan aliran tunai.
 - D. Melibatkan jumlah yang sama untuk setiap tempoh berterusan.
 - E. Menyelaras perubahan dalam tempoh dan kadar faedah yang membolehkan kedua-dua pemboleh ubah berubah secara konsisten.
21. Wahid mempunyai simpanan sebanyak RM7,500.00 pada kadar 16% setahun dikompaunkan setiap suku tahun. Berapakah jumlah simpanan Wahid selepas lima tahun?
- A. RM7,580.00
 - B. RM8,700.00
 - C. RM16,433.00
 - D. RM13,500.00
 - E. RM16,000.00
22. Encik Hafis adalah seorang pelabur dalam sektor hartanah menjangkakan untuk memperoleh RM54,000.00 selepas tujuh tahun. Berdasarkan kajian dan pengalaman, Encik Hafis percaya bahawa pulangan tahunan 20% yang dikompaun setiap suku tahun adalah pulangan yang berpatutan untuk pelaburannya. Berapa banyak yang perlu dibayar Encik Hafis untuk hari ini?
- A. RM13,775.00
 - B. RM26,857.00
 - C. RM29,864.00
 - D. RM19,369.00
 - E. RM28,450.00
23. Anda telah mendepositkan RM2,000.00 ke dalam akaun simpanan di bank pada kadar sebanyak 7% setahun untuk dua tahun, berapa banyak yang akan anda dapat pada akhir tempoh dua tahun akan datang?
- A. RM2,140.00
 - B. RM2,280.00
 - C. RM2,290.00
 - D. RM2,420.00
 - E. RM2,420.80

24. Andaikan anda mengharapkan untuk menerima RM5,500.00 setahun dari sekarang, berapakah nilai kini untuk RM5,500.00 jika kadar diskaun atau kadar pulangan sebanyak 8% setahun?
- A. RM5,000.00
 - B. RM5,093.00
 - C. RM5,100.00
 - D. RM5,193.00
 - E. RM5,940.00
25. Antara berikut, manakah benar tentang aliran tunai tunggal?
- A. Aliran tunai berlaku tidak terhad sepanjang tempoh penilaian.
 - B. Jumlah aliran tunai tunggal dilaburkan pada masa kini tidak akan meningkat dari masa ke semasa dengan kewujudan kadar faedah tertentu.
 - C. Aliran tunai yang hanya akan berlaku sekali sahaja sepanjang tempoh penilaian.
 - D. Jumlah nilai aliran tunai tunggal yang telah ditetapkan pada masa depan tidak akan berkurangan apabila masa menghampiri sifar.
 - E. Aliran tunai yang hanya akan berlaku sekali sahaja pada hujung tahun tempoh penilaian.
26. Hasmidah bercadang untuk membeli sebuah kereta baru dalam masa enam tahun dan dia merancang untuk menandatangani RM5,000.00 setiap tahun supaya dia boleh membuat bayaran pendahuluan. Jika dia membuat pembayaran pada awal setiap tahun dan menerima faedah tahunan sebanyak 8%. Berapakah yang akan Hasmidah terima pada enam tahun kemudian?
- A. RM29,789.00
 - B. RM30,550.00
 - C. RM25,856.00
 - D. RM28,912.00
 - E. RM39,614.00
27. Apakah definisi risiko dalam konteks pengurusan kewangan?
- A. Risiko yang sanggup diambil oleh pelabur.
 - B. Risiko rendah dapat memaksimumkan keuntungan.
 - C. Risiko terhadap perubahan pulangan dalam jangka masa panjang.
 - D. Kebarangkalian terhadap perubahan pulangan yang diterima oleh pelabur dalam jangka masa tertentu.
 - E. Semua di atas.

28. Pulangan sebenar daripada pelaburan boleh dikategorikan kepada _____.
- A. pulangan dijangka
 - B. pulangan tidak dijangka
 - C. pulangan dijangka dan tidak dijangka
 - D. lebih keuntungan yang diterima oleh pelabur
 - E. setelah membuat analisis risiko dan pulangan
29. Terdapat konsep kebarangkalian yang boleh diguna pakai untuk membuat keputusan bagi menentukan risiko dan pulangan. Antaranya adalah _____.
- i. kebarangkalian tidak wujud dalam bentuk negatif
 - ii. jumlah keseluruhan kebarangkalian bersamaan dengan 1% atau 100%
 - iii. nilai 0 menunjukkan bahawa kebarangkalian kejadian tertentu yang tidak mungkin terjadi
 - iv. nilai 0.1 menunjukkan bahawa kebarangkalian kejadian tertentu yang terjadi adalah 10%
 - v. nilai 1 menunjukkan kebarangkalian kejadian tertentu yang pasti berlaku
- A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii dan v
 - D. ii, iii, iv dan v
 - E. Semua di atas
30. Saham Z ada 50% peluang untuk memperolehi 10% pulangan, 20% peluang untuk memperolehi 5% pulangan, dan 30% peluang untuk memperolehi 25% pulangan. Berapakah kadar pulangan dijangka daripada pelaburan Saham Z?
- A. 13.5
 - B. 14.5
 - C. 15.5
 - D. 15.0
 - E. 16.0
31. Apakah yang dimaksudkan dengan korelasi positif sempurna?
- A. Dua pemboleh ubah yang bergerak dalam arah berlawanan.
 - B. Dua pemboleh ubah yang bergerak dalam arah berlawanan dan dengan magnitud yang sama.
 - C. Dua pemboleh ubah yang bergerak dalam arah dan magnitud yang sama.
 - D. Dua pemboleh ubah yang bergerak dalam arah yang sama.
 - E. Dua pemboleh ubah yang bergerak dalam arah yang sama tetapi dengan magnitud yang berbeza.

Rajah 1

Situasi Ekonomi	Kebarangkalian (p)	Kadar Pulangan (r) Aset Kewangan	
		X	Y
Lemah	0.20	14	8
Sederhana	0.50	16	16
Kuat	0.30	18	21

32. Berdasarkan Rajah 1 di atas, kirakan pulangan dijangka atas purata pulangan bagi aset kewangan X dan Y.
- A. $X = 13.2, Y = 12.5$
 B. $X = 14.5, Y = 13.9$
 C. $X = 15.3, Y = 14.5$
 D. $X = 16.2, Y = 15.5$
 E. $X = 16.5, Y = 15.8$
33. Kepelbagaian pelaburan atau kombinasi beberapa sekuriti dalam pasaran modal merujuk kepada _____.
- A. kovarians
 B. koefisien variasi
 C. sekuriti portfolio
 D. komponen portfolio
 E. formula portfolio
34. Portfolio 1 terdiri daripada pelaburan dalam sekuriti A di mana beta adalah 1.5 dan pulangan dijangka adalah 15% dan sekuriti bebas risiko di mana r_f adalah 7%. Berapakah jumlah ganjaran untuk sekuriti A?
- A. 5.33 %
 B. 6.20%
 C. 7.33%
 D. 10.20%
 E. 10.33%
35. Mengukur nisbah ganjaran yang ditawarkan oleh pasaran di atas kesanggupan pelabur untuk menerima jumlah purata risiko sistematik semasa tempoh pelaburan merujuk kepada _____.
- A. premium risiko pasaran
 B. model penentuan harga aset modal
 C. garis pasaran sekuriti
 D. risiko portfolio
 E. pulangan dijangka

36. Menurut konsep Model Penentuan Harga Aset Modal (CAPM), pelabur akan memilih kombinasi aset yang berisiko dan tidak berisiko dalam portfolio cecap di sepanjang garis pasaran modal bagi tujuan _____.
- A. peluang untuk memilih pelaburan modal
 - B. pulangan sebenar adalah sama dengan pulangan dijangka
 - C. pulangan aset bebas risiko
 - D. risiko sistematik aset mempengaruhi pulangan dijangka dalam pasaran
 - E. mencipta situasi yang optimum untuk penggantian antara risiko dan pulangan
37. Berikut adalah faktor-faktor yang mempengaruhi keseimbangan kadar faedah **KECUALI** _____.
- i. inflasi
 - ii. risiko
 - iii. keutamaan kecairan
 - iv. kadar faedah
- A. i dan ii
 - B. i dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, ii dan iii
 - E. Semua di atas
38. Apakah yang dimaksudkan dengan inflasi?
- A. Pengurangan harga barang
 - B. Kenaikan harga barang
 - C. Kestabilan kadar faedah
 - D. Keseimbangan kadar faedah
 - E. Semua di atas
39. Kadar inflasi meningkat bermaksud harga barang makin naik. Jika setiap bulan kawan anda yang meminjam wang dari anda membayar RM50.00 sebulan. Ini adalah kadar _____.
- A. faedah songsang
 - B. faedah langsung
 - C. faedah nominal
 - D. faedah nyata/sebenar
 - E. inflasi

40. Keluk _____ ini merupakan satu garis lurus bagi bon yang mempunyai kualiti kredit yang sama, tetapi tarikh matang yang berbeza. Keluk ini digunakan sebagai penanda aras bagi hutang yang lain di pasaran, seperti kadar gadai janji atau kadar pinjaman bank.
- A. hasil biasa
 - B. keluk pulangan (*yield curve*)
 - C. hasil songsang/terbalik
 - D. hasil rata atau berbonggol
 - E. menegak
41. Berapa jeniskah bentuk keluk hasil?
- A. 1
 - B. 2
 - C. 3
 - D. 4
 - E. 5
42. Jika kadar faedah bon matang 2 tahun adalah 8%. Kadar faedah bon tempoh matang 1 tahun adalah 4%. Jika anda laburkan wang untuk bon 1 tahun anda akan mendapat 4%, kemudian selepas setahun anda laburkan semula wang tersebut dalam bon tempoh matang 1 tahun. Walaupun kadar faedah berbeza, anda masih boleh mendapat pulangan yang sama. Ini berkenaan Teori _____.
- A. Jangkaan
 - B. Keutamaan kecairan
 - C. Segmentasi pasaran
 - D. Harga
 - E. Saksama
43. Bon korporat ialah _____.
- A. kadar faedah kupon bagi hutang
 - B. kadar yang ditetapkan oleh lembaga
 - C. kadar pulangan yang mesti diperolehi atas pelaburan tambahan jika nilai syarikat ingin dikekalkan
 - D. kos purata bagi aset firma
 - E. akujanji hutang yang diterbitkan sama ada oleh badan-badan kerajaan ataupun syarikat

44. Secara umumnya, lebih tinggi risiko pelaburan, lebih tinggi premium yang diharapkan oleh pelabur sebagai pampasan atau ganjaran kerana terpaksa menghadapi risiko tersebut. Antara risiko penting yang dihadapi ialah risiko _____.
- i. kemungkinan
 - ii. tempoh matang
 - iii. peruntukan kontrak (contractual provision risk)
 - iv. biasa
- A. i dan ii
 - B. i, ii dan iii
 - C. ii, iii dan iv
 - D. Semua di atas
 - E. Tiada jawapan
45. Apakah bon korporat?
- A. Akujanji hutang yang diterbitkan sama ada oleh badan-badan kerajaan ataupun syarikat.
 - B. Gadai janji hutang yang diterbitkan sama ada oleh badan-badan swasta ataupun kerajaan.
 - C. Nilai muka atau jumlah pembayaran yang dibayar kepada pemegang bon setelah ia matang.
 - D. Risiko yang akan menentukan kadar faedah yang akan ditawarkan.
 - E. Perjanjian undang-undang antara firma yang mengeluarkan bon dan pemegang amanah bon yang mewakili pemegang bon.

BAHAGIAN B [55 markah]
JAWAB SEMUA SOALAN

SOALAN 1 (15 markah)

Arman Maju Sdn. Bhd. sedang memilih kumpulan terbaik bagi menjalankan projek untuk anggaran modal tetap syarikat sebanyak \$10,000,000. Mana-mana bahagian modal yang tidak digunakan bagi belanjawan ini akan mendapat kos modal kurang daripada 20 peratus. Ringkasan data utama mengenai projek-projek yang dicadangkan adalah seperti berikut.

Projek	Pelaburan Awal	IRR	Aliran Masuk
			20%
A	\$3,000,000	21%	\$3,050,000
B	9,000,000	25	9,320.000
C	1,000,000	24	1,060.000
D	7,000,000	23	7,350,000

- (a) Gunakan pendekatan NPV untuk memilih kumpulan projek terbaik. (tips: boleh memilih lebih daripada 1 projek)
(5 markah)
- (b) Gunakan pendekatan IRR untuk memilih kumpulan projek yang terbaik, jika kadar pulangan yang diperlukan adalah 23.5%.
(5 markah)
- (c) Projek-projek manakah yang harus dilaksanakan oleh firma? Kenapa?
(5 markah)

SOALAN 2 (20 markah)

Nico Sdn. Bhd. mempertimbangkan pelaburan dalam salah satu daripada dua projek eksklusif X dan Y yang diterangkan di bawah. Kos keseluruhan modal Nico Sdn. Bhd. adalah 15 peratus, pulangan pasaran adalah 15 peratus dan kadar bebas risiko adalah 5 peratus. Nico menganggarkan bahawa beta untuk projek X ialah 1.20 dan beta untuk projek Y ialah 1.40.

	Projek X	Projek Y
Pelaburan Awalan	RM3,500,000	RM3,900,000
Tahun	Aliran Tunai Masuk	
1	RM1,500,000	RM1,100,000
2	RM1,500,000	RM1,600,000
3	RM1,500,000	RM1,900,000
4	RM1,500,000	RM2,300,000

- (a) Hitung kadar diskaun disesuaikan risiko (*the risk-adjusted discount rates*) untuk Projek X dan Projek Y.
(5 markah)
- (b) Menggunakan kaedah kadar diskaun disesuaikan risiko penilaian projek, cari NPV untuk projek X dan Y. Projek mana yang harus dipilih oleh Nico menggunakan kaedah ini?
(5 markah)
- (c) Kirakan NPV projek X dan Y mengandaikan bahawa firma menggunakan kos keseluruhan modal firma untuk menilai projek X dan Y.
(5 markah)
- (d) Apakah potensi kesilapan pilihan yang bakal wujud dalam pemilihan projek jika Nico tidak menyesuaikan perbezaan risiko antara Projek X dan Y.
(5 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

Teras Berhad mempunyai maklumat berkenaan tentang kadar semasa kos bagi pembiayaan perniagaan seperti kadar pinjaman jangka panjang, saham terpilih dan saham biasa.

Sumber Modal	Kos (%)	Julat Pinjaman (RM)
pinjaman jangka panjang	7	0–2,000,000
	8	2,000,001–3,000,000
	10	3,000,001 dan keatas
saham terpilih	19	0–960,000
	21	960,001 dan keatas
saham biasa	20	0–700,000
	24	700,001–1,600,000
	26	1,600,001–2,200,000
	30	2,200,001 dan keatas

Firma menjangkakan ada RM350,000 di dalam akaun pendapatan tertahan pada tahun hadapan dengan kos 20 peratus. Jika kesemua pendapatan tertahan digunakan maka firma akan menerbitkan saham baru.

Komposisi struktur modal yang akan digunakan dalam pengiraan adalah seperti berikut;

Sumber Modal	Sasaran Struktur Modal
pinjaman jangka panjang	0.25
saham terpilih	0.25
saham biasa	0.50

- (a) Berdasarkan dua jadual di atas, kira kos modal bagi firma tersebut apabila semua pendapatan tertahan telah digunakan? (5 markah)
- (b) Kira kos modal bagi jumlah pinjaman baru sebanyak RM2,000,000. (5 markah)
- (c) Berdasarkan maklumat di bawah tentang peluang pelaburan, tentukan projek manakah yang harus dipilih.

Peluang Pelaburan	Pelaburan Awal	Kadar pulangan dalaman (%)
A	400,000	22
B	500,000	21
C	400,000	19
D	400,000	17
E	600,000	16
F	700,000	16

(5 markah)

- (d) Syarikat sedang mempertimbangkan projek pelaburan pada tahun hadapan, kadar pulangan dalaman ialah 14 peratus. Jika firma mempunyai sasaran struktur modal dan kos seperti di bawah, apakah keputusan firma?

Sumber Modal	Pecahan Sasaran	Kos Selepas Cukai
pinjaman jangka panjang	0.40	10%
saham terpilih	0.10	15%
saham biasa	0.50	20%

(5 markah)